INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

YBhg. Dato Hajah Hazizah Kassim

SEKAPUR SIRIH, SECANGKIR KOPI
Temu bual bersama personaliti pilihan

YBhg. Dato Hajah Hazizah Kassim
Peguam Bela dan Peguam Cara
Ahli Lembaga Mesyuarat Pengurusan ILKAP

INSIGHT : **Bolehkah Dato' menceritakan latar belakang Dato'?**

DATO' : Saya dilahirkan pada 29.9.1972 dan kini berusia 45 tahun. Dilahirkan di Tawau Sabah dan merupakan anak pertama dari Sembilan orang adik beradik. Bapa saya seorang pesara Kerajaan dan semasa perkhidmatannya bertugas Merinyu Tanah di Jabatan Tanah & Ukur, Tawau Sabah. Ibu saya seorang surirumah. Saya dibesarkan di Tawau, Sabah sehingga saya berusia 16 tahun. Semasa di Tingkatan 4, saya telah ditawarkan biasiswa oleh Yayasan Sabah untuk melanjutkan pelajaran ke Semenanjung Malaysia. Saya bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Zainab di Negeri Cik Siti Wan Kembang dan saya menolak tawaran melanjutkan pelajaran ke peringkat asasi dan matrikulasi, sebaliknya memilih untuk meneruskanTingkatan 6 di sekolah yang sama. Saya menghabiskan tempoh 4 tahun bersekolah di Sekolah Menengah Zainab, Kota Bharu. Selepas menamatkan sekolah menengah, saya menyambung pelajaran ke Universiti Malaya dari tahun 1992-1996. Semasa tahun 1995 ketika menuntut tahun tiga di Universiti Malaya, saya telah mendirikan rumahtangga dengan suami saya, Dato' Haji Muhamad Sade bin Mohamad Amin yang ketika itu telah menamatkan pengajian. Kini, suami saya berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri sebagai Setiausaha Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam. Hasil perkahwinan, kami dikurniakan 3 orang cahaya mata iaitu Munirah Naja(21tahun),Ahmad Syahmi (16 tahun) dan Ahmad Najmi (13 tahun).

INSIGHT : **Bolehkah Dato' berkongsi latar belakang kerjaya/professional Dato'?**

DATO' : Selepas saya menamatkan pengajian di Universiti Malaya, saya kembali ke Tawau Sabah dan memulakan khidmat sebagai Pelatih Dalam Kamar di Tetuan Datu Nasrun & Co di Lahad Datu, Sabah. Setelah diterima masuk sebagai Peguambela & Peguamcara, saya bekerja di Tetuan Ismayatim Yaacob & Associates di Kuala Lumpur. Kemudian itu, saya bertugas sebagai Pegawai Undang-undang di Universiti Tenaga Nasional iaitu pada awal tahun 1999. Perkhidmatan saya di UNITEN hanya selama 3 bulan dan saya berhenti setelah menerima tawaran sebagai Pegawai Kehakiman dan Perundangan. Karier saya di bidang perundangan secara serius bermula pada tahun 1999 apabila saya dilantik sebagai Majistret di Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur. Selama 5 tahun di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur , saya telah didedahkan dengan tugasan untuk mendengar kes-kes jenayah, sivil dan kes melibatkan kanak-kanak. Pada sekitar Mei 2003, saya telah bertukar ke Mahkamah Majistret Bandar Baru Bangi dan berkhidmat selama 2 tahun.

DISCLAIMER

The information contained in this website is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to the website or the information contained on the website for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing on this website constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance you place on such information is therefore strictly at your own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this website. The information is correct as at .....

Saya juga berpeluang berkhidmat sebagai Peguam Kanan Persekutuan di Unit Penswastaan, Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara. Akhirnya pada Mac 2006 saya meletakkan jawatan sebagai Pegawai Kehakiman & Perundangan untuk memulakan kerjaya sebagai seorang peguam. Saya meletakkan jawatan daripada perkhidmatan dan mula menguruskan proses pendaftaran firma Hazizah & Co. Hakikatnya saya telah merisikokan kerjaya saya dengan membuka firma baru berseorangan dan tanpa pengalaman perniagaan. Saya bermula dengan modal RM1,000.00 dari wang simpanan. Saya menanam sifat berani untuk mencuba dan usah takut pada kegagalan. Semangat ini memberi kekuatan kepada saya untuk menjadi seorang peguam yang bertahan sehingga kini.

INSIGHT : **Dato' pernah berada dalam perkhidmatan awam suatu ketika dahulu. Boleh Dato' ceritakan perbezaan berkhidmat di dalam kerajaan dan sektor swasta?**

DATO' : Melainkan asas utama kedua-dua profesion ini yang berakar umbi kepada undang-undang, terdapat beberapa perbezaan ketara yang saya lalui dari aspek berikut:

a) Pengurusan dan pemantauan- perkhidmatan kerajaan, kita mempunyai pegawai atasan yang akan memantau kerja kita selain terdapat organisasi khusus yang akan menguruskan keseluruhan operasi perkhidmatan secara holistik. Sebaliknya, bagi perkhidmatan sektor swasta terutamanya bagi yang menjalankan firma guaman sendiri, hala tuju, pengurusan dan pemantauan terletak di atas bahu pemiliknya. Maka, selain memastikan kemahiran dalam profesion kepeguaman, harus juga memiliki keupayaan mentadbir dan mengurus organisasi.

b) Pengkhususan skop kerja – semasa dalam perkhidmatan Kerajaan, skop kerja khasnya dalam bidang undang-undang adalah terfokus dan khusus. Apabila beramal sebagai peguam, saya harus *versatile* dalam kemahiran undang-undang merangkumi *conveyancing*, sivil, jenayah dan syariah. Ini kerana saya perlu memantau tugasan dan menasihati rakan peguam dibawah firma, menasihati anakguam yang terdiri daripada badan berkanun yang berdepan dengan pelbagai isu undang-undang selain memastikan firma sentiasa relevan dalam menawarkan khidmat kepada masyarakat yang memerlukan.

c) Keupayaan memilih kes – Saya perlu menerima arahan yang diberikan oleh pegawai atasan berkaitan sesuatu kes atau tugasan. Berbanding bila beramal sendiri di sektor swasta, saya menilai dan meneliti kes yang dibawa oleh anak guam sebelum memberi persetujuan untuk dilantik.

INSIGHT : **Dato' cukup dikenali dengan kerja-kerja kebajikan dan kemanusian. Boleh Dato' ceritakan pengalaman Dato' dalam aktiviti kebajikan dan kemanusiaan?**

DATO' : Soalan ini agak sukar untuk saya jawab kerana saya merasa apa yang telah Hazizah & Co sumbangkan selama ini masih terlalu sedikit. Bersama-sama dengan rakan peguam dan beberapa orang penyelidik, kami sering berkolaborasi dalam kerja-kerja kebajikan dan kemanusiaan. Frasa kemanusiaan kadangkala dirujuk kepada situasi dalam konflik seperti peperangan atau kelaparan. Bagi saya, ia lebih luas dari itu dan merangkumi aspek keperluan individu termasuk kepada keperluan ilmu untuk membolehkan mereka survivor meneruskan kehidupan. Di awal penubuhan Hazizah & Co, saya memfokuskan kepada bantuan Kami turut mendekati persatuan dan mahasiswa Malaysia di luar negara dalam rangka memberikan pendedahan tentang sistem perundangan di Malaysia selain isu-isu semasa berkaitan undang-undang. Ia bermula dengan jemputan dari persatuan mahasiswa Malaysia di Universiti Adelaide Australia. Bertitik tolak dari situ, Hazizah & Co meneruskan dengan sesi pertemuan dan perkongsian ilmu bersama mahasiswa Malaysia di Universiti Madinah dan di Morocco. Kami juga telah merangka program yang sama di Jordan yang akan diadakan pada tahun 2018.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

Manakala bagi mahasiswa dalam negara, kami mewujudkan hubungan dengan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia dengan memberikan sumbangan tetap kepada pelajar fakir dan miskin, program ceramah isu semasa dan menyediakan tempat latihan industri. Hazizah & Co turut dipelawa oleh beberapa institusi pendidikan dari Sulawesi Selatan dalam rangka mewujudkan jaringan latihan industri kepada mahasiswa. Setakat ini kami telah menandatangani 3 memorandum persefahaman pada tahun 2016 dan 2017. Kami juga telah memulakan sesi perkongsian ilmu kepada beberapa buah sekolah khususnya kepada guru dalam rangka menerapkan pengetahuan asas undang-undang mengenai prinsip *in loco parentis.* Oleh kerana saya mempunyai hubungan yang rapat dengan institusi sekolah sebagai Yang DiPertua PIBG sejak 7 tahun yang lalu, saya terpanggil untuk mengadakan sesi perkongsian ilmu dengan para guru. Sambutan dan maklum balas yang menggalakkan daripada para guru memberikan idea kepada kami untuk merangka program ini dengan lebih tersusun untuk memberi manfaat kepada semua.

INSIGHT : **Sudikah Dato' berkongsi hobi di masa lapang Dato'?**

DATO' : Saya suka keluar awal pagi dan *brisk walking.* Selain itu, saya suka membaca buku-buku yang berkisar kepada *self-motivation.* Pada hujung minggu saya pasti akan diperuntukkan untuk bersama ahli keluarga saya. Amalan ini berterusan sehingga kini sejak tahun 2009. Saya juga gemar melayari internet untuk mendapatkan maklumat tentang latihan atau program yang bersesuaian dengan minat anak-anak saya. Dalam kata lain, saya suka memberikan mereka pilihan-pilihan latihan dan program yang bermanfaat selain program bersifat akademik.

INSIGHT : **Sudikah Dato' berkongsi harapan Dato' dalam menjalankan amanat sebagai Ahli Lembaga Pengarah ILKAP?**

DATO' : Saya berharap supaya ILKAP akan lebih maju dalam memberikan latihan kepada pegawai Perundangan dan Kehakiman di Malaysia bahkan di peringkat antarabangsa. Sehubungan itu, saya berharap ILKAP dapat menjalankan lebih banyak koloborasi dengan pihak luar bagi memantapkan program latihan di ILKAP.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

ARTIKEL: SWAFOTO

Fenomena swafoto ini berlaku di seluruh dunia tidak kira peringkat umur namun ia lebih popular di kalangan remaja. Swafoto juga telah menjadi buku harian visual kolektif bagi sesetengah individu tersebut. Ia bukan sesuatu yang baru terutama dalam era ini di mana alat elektronik dan gajet adalah satu keperluan dan begitu mudah didapati.

Adakah anda tahu swafoto telah wujud pada tahun 1839 dan ianya dilakukan oleh Robert Cornelius. Penggunaan awal perkataan swafoto juga dapat dikesan sejak 2002 dalam forum internet di Australia.

Apa Itu Swafoto?

Swafoto adalah gambar potret diri. Ia sering dikongsi di perkhidmatan rangkaian sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter. Swafoto biasanya diambil dengan kamera digital atau telefon kamera yang dipegang di tangan atau disokong oleh tongkat swafoto.

Mengapa Swafoto?

Terdapat banyak sebab untuk berswafoto. Selain daripada salah satu dari cara berkomunikasi dan berkongsi emosi dalam media sosial, penghantar juga berharap untuk mendapat dorongan, komen yang mengagumkan, dikongsikan dengan yang lain dan mendapat jumlah disukai di laman sosial. Swafoto adalah antara aktiviti yang sangat popular di kalangan remaja kerana ia adalah salah satu cara untuk mengekspresikan diri. Ini akan membolehkan seseorang untuk berkongsi emosi dengan berkongsi gambar dengan orang lain. Dengan mempunyai swafoto, ia dapat meningkatkan keyakinan diri dan ekspresi diri. Swafoto juga boleh menjadi cara untuk meningkatkan kreativiti.

Keburukan Swafoto

Berhati-hati anda boleh menjadi ketagihan untuk terus melayari internet jika anda menghabiskan masa yang terlalu lama di media sosial.Anda juga boleh menjadi begitu terlalu obses untuk mendapatkan gambar yang terlalu sempurna. Sementara cuba menghantar gambar sempurna seseorang itu mungkin mengalami masalah dengan imej badan sendiri (Gangguan Bentuk Badan).

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

ARTIKEL:

Swafoto boleh mencetuskan persepsi tentang kepuasan diri atau mencari perhatian sosial yang menimbulkan narsisme ataupun perasaan kurang sempurna yang mendorong ke arah perasaan rendah diri *(inferiority complex*). Ini boleh mengakibatkan masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan depresi.

Apakah tanggungjawab anda?

Anda mempunyai hak untuk mengambil gambar diri sendiri dan dikongsikan, tetapi jadilah individu yang bertanggungjawab. Individu yang bertanggungjawab hanya akan berkongsi sesuatu yang berguna dengan penuh tanggungjawab. Tanpa kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap kiriman (*posting*) di media sosial, boleh menyebabkan kesan buruk melebihi yang baik. Anda juga perlu peka terhadap perasaan orang lain mengenai kiriman / diri anda. Bertimbang rasalah, kerana orang lain mungkin tidak menyukai atau jelak untuk melihat foto anda.

Apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan tentang swafoto

i. Hati-hati dengan persekitaran anda dan pastikan keselamatan sebelum mengambil gambar diri sendiri. Contohnya sekiranya anda mengambil swafoto di ketinggian yang tinggi atau sudut yang sempit atau di laluan kereta api ini boleh menimbulkan bahaya. Obsesi anda untuk mendapatkan gambar terbaik mungkin berakhir dengan tragedi.

ii. Berfikir dahulu sebelum berkongsi swafoto anda. Anda mungkin mendedahkan diri anda untuk dijadikan mangsa penderaan seksual dengan menggunakan foto yang tidak sesuai.

iii. Ingatlah bahawa dengan berkongsi swafoto anda, anda secara tidak sengaja telah berkongsi maklumat dan memberi kesempatan kepada oportunis untuk memanfaatkan anda.

iv. Teks atau gambar boleh dengan mudah disalin dan disebarkan tanpa pengetahuan anda. Sebaik sahaja anda menekan hantar, ia menjadi diluar kawalan. Anda mungkin menyesal dikemudian hari.

Rujukan:
1. http://www.talk.edu/learn-english/college-life/social-skills/psychological-advantages-selfies/
2. http://m.disclose.tv/news/Selfies_Linked_to_Narcissism_Addiction_and_Mental_Illness/10140
3. https://en.wikipedia.org/wiki/Self-potrait
4. htps: //en.wikipedia.org/wiki/Camera_phone

Semakan Akhir : 24 Oktober 2017
Penterjemah : Dr. Siti Aishah Bt. Saidin

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

ARTIKEL : PEGUAM: PENGKRITIK KEPUTUSAN KES 'BIN ABDULLAH' WAJAR HALUSI ALASAN HAKIM

KUALA LUMPUR: Seorang peguam syarie menggesa pihak mengkritik keputusan Mahkamah Rayuan yang membenarkan seorang kanak-kanak Islam yang tidak sah taraf menggunakan nama bapanya dan bukannya "bin Abdullah", agar terlebih dahulu meneliti alasan penghakiman.

"Jika anda benar-benar mendakwa sebagai seorang Muslim, pertama sekali belajar dan perlu tahu apa yang terkandung dalam keputusan itu (Mahkamah Rayuan)," kata Ahmad Munawir Abdul Aziz semasa menjawab dakwaan sesetengah pihak bahawa keputusan itu tidak Islamik.

"Terdapat alasan perundangan. Jika mereka belajar (ia) lebih baik, mereka tidak akan begitu emosi seperti sekarang. "Sekiranya mereka melihat alasan, mereka boleh mendapatkan gambaran lebih jelas tentang apa isu yang ada di hadapan mahkamah, dan sebab-sebab penghakiman," kata beliau pada forum mengenai penamaan anak-anak tidak sah taraf, bertajuk "Bin Abdullah: Antara Stigma, Hak dan Agama" anjuran *Sisters in Islam* di sini hari ini.

Munawair berkata keputusan itu adalah demi kepentingan kanak-kanak terbabit.

Walaupun ia tidak mengubah status kanak-kanak terbabit, ia membolehkan mereka mengenal dirinya bersandarkan identiti bapa masing-masing, kata beliau.

"Dari awal lagi, Mahkamah telah berkata persoalannya sama ada kanak-kanak yang tidak bersalah wajar diaibkan, dimalukan dan dihina sepanjang hayat," katanya.

"Ini adalah isu di Mahkamah. Undang-undang keluarga Islam sentiasa prihatin terhadap kebajikan kanak-kanak.

"Kebimbangan utama Mahkamah adalah kebajikan kanak-kanak. Jadi untuk mengatakannya (keputusan) adalah tidak Islamik tidak benar," tambahnya.

Munawir berkata terdapat kritikan terhadap penghakiman, tetapi tidak perlu beremosi kerana terdapat dua sebelah pada duit syiling.

"Beberapa komen itu mengecewakan. Mereka tidak sensitif dan tidak menganggap latar belakang kepelbagaian kaum di negara ini, serta kedudukan undang-undang Islam di sini," katanya. Semalam, panel 3 hakim Mahkamah Persekutuan, yang diketuai Ketua Hakim Negara membenarkan rayuan oleh Putrajaya.

Peguam, K. Shanmuga yang mewakili pasangan Islam terbabit dan anak lelaki mereka membantah permohonan kebenaran dengan alasan Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

ARTIKEL :

Kematian 1957 (BDRA) terpakai kepada semua kanak-kanak tidak sah taraf tanpa mengira kaum atau agama.

Tiga soalan yang akan dijawab panel hakim semasa rayuan itu adalah:

i. Sama ada dalam tafsiran sebenar di bawah perundangan Islam, istilah "bin" atau "binti" atas nama orang Islam merujuk kepada hubungan bapa;

ii. Sama ada Mahkamah sivil boleh menentukan persoalan mengenai kesahihan kanak-kanak Islam dalam penamaan dan hubungan bapa; dan

iii. Sama ada Seksyen 13A BDRA terpakai untuk pendaftaran kelahiran kanak-kanak Islam yang membolehkan mereka dinamakan dengan individu yang mengakui dirinya bapa mereka.

Mahkamah Persekutuan turut membenarkan Majlis Agama Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk mengadakan arahan memerhati.

Pada 21 Ogos lalu, Mahkamah Persekutuan membenarkan permohonan Majlis Agama Islam Johor untuk menjadi pencelah, bermakna mereka boleh membuat penghujahan kepada Hakim.

Permohonan itu dibenarkan kerana ibu bapa terbabit, yang identiti mereka dirahsiakan, berasal dari Johor.

Dalam penghakiman bertulis yang dikeluarkan 25 Julai lalu, Hakim Datuk Abdul Rahman Sebli berkata, Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak terikat kepada fatwa dikeluarkan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam menentukan nama bapa seorang kanak-kanak Islam yang tidak sah taraf.

Mahkamah itu berkata, bidang kuasa ketua pengarah JPN bersifat sivil dan terhad dalam menentukan sama ada ibu bapa kanak-kanak itu memenuh isyarat di bawah BDRA, yang merangkumi semua kanak-kanak tidak sah taraf, tidak kira Islam atau bukan Islam.

Mahkamah itu memutuskan fatwa bukan perkara wajib diterima undang-undang dan tidak boleh dijadikan asas undang-undang oleh ketua yang tidak sah taraf mengikut Seksyen 13A (2) BDRA.

Rahman berkata, ketua pengarah JPN bertindak tidak rasional apabila jabatan itu mendaftarkan kanak-kanak terbabit berbinkan "Abdullah", bertentangan hasrat ibunya.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

ARTIKEL : KURSUS KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN JABATAN PEGUAM NEGARA SIRI 5/2017 (PEGAWAI UNDANG-UNDANG L48)

Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Jabatan Peguam Negara Siri 5/2017 (Pegawai Undang-Undang L48) telah diadakan di ILKAP, Bandar Baru Bangi, Selangir pada 11 hingga 14 September 2017. Kursus yang dihadiri seramai 44 peserta yang terdiri daripada Pegawai Undang-Undang Gred L48 dari Jabatan Peguam Negara, Kementerian/Jabatan/Agensi/Suruhanjaya/Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi Bin Ali, Peguam Negara Malaysia.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

LAPORAN PROGRAM ILKAP SPEAKER SERIES (ISS)

Program ILKAP Speaker Series (ISS) Bil.2/2017 telah diadakan pada 27 Oktober 2017 (Jumaat) di Auditorium ILKAP. ISS merupakan satu platform perkongsian pengetahuan bersama penceramah terkenal dan terkemuka di kalangan pengamal undang-undang untuk berkongsi pengalaman dan idea-idea mereka mengenai isu undang-undang semasa. YBhg. S. S. Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk "Toleransi Beragama Menurut Perspektif Undang-Undang Malaysia". Program ini telah dihadiri oleh seramai 280 orang peserta yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, pelajar-pelajar dari universiti awam dan swasta serta pelbagai jabatan/agensi kerajaan yang lain.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP :

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI ILKAP 2017

Sambutan Hari Raya ILKAP telah diadakan pada 21 Julai 2017, Jumaat jam 2.00 petang bertempat di Dewan Serbaguna ILKAP. Gerai Kumpulan dari Bahagian Pengurusan telah berjaya dinobatkan sebagai Gerai Terbaik, dan Puan Rohaiza Hamzah dan Encik Ahmad Suhaimi Shah Badaruddin telah dianugerahkan Pakaian Terbaik untuk kategori Lelaki dan Wanita. Majlis turut dimeriahkan dengan dendangan lagu raya daripada pegawai dan kakitangan ILKAP. Sambutan ini juga bertambah meriah dengan kehadiran YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Ali, Peguam Negara dan isteri.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP :

PROGRAM BICARA INOVASI BIL.2/2017 (28 JULAI 2017)

Program Bicara Inovasi Bil.2/2017 telah diadakan pada 28 Julai 2017 di Bilik Theatrette, ILKAP. Program ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada warga ILKAP berhubung idea dan kreativiti dalam organisasi yang dihasratkan dapat membangunkan serta meningkatkan inovasi dan imej jabatan. ILKAP telah menerima kehadiran penceramah dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) iaitu Tuan Mohammad Zuwairi Abu Bakar yang telah berkongsi ilmu berkenaan dengan pengalaman MAIWP dalam memenangi Anugerah Inovasi JPM 2014 bagi kategori Jabatan Paling Inovatif dan Kategori Non-ICT.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP :

COURSE ON MASTERING DIGITAL ECONOMY IN ADVANCE TEACHING APPROACH, INSTUN, BEHRANG, PERAK (8 – 11 OGOS 2017)

Course on Mastering Digital Economy in Advance Teaching Approach telah diadakan pada 8 hingga 11 Ogos 2017 di Institut Tanah dan Ukur (INSTUN), Behrang, Perak. Kursus ini merupakan salah satu kursus yang dirancang di bawah Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran (PKP) yang menerangkan berkenaan penggunaan ekonomi digital dalam pembelajaran. Kursus ini telah dihadiri oleh 31 orang tenaga pengajar ILKAP.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL.3/2017 DAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KEMERDEKAAN

Pada 17 Ogos 2017, ILKAP telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bil.3/2017 dan Sambutan Bulan Kemerdekaan. Majlis dimulakan dengan Perarakan Jalur Gemilang ke Lobi MTCP diikuti dengan penyerahan Jalur Gemilang kepada YBhg. Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah ILKAP. Majlis diteruskan dengan perutusan daripada Ketua Pengarah ILKAP. Slot Jejak Merdeka bagi mengenang perjuangan menuntut kemerdekaan turut disampaikan oleh penceramah jemputan, Mejar (B) Mohd Fauzi bin Haji Ahmad Badarudin. Majlis diakhiri dengan penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Dwi Tahunan (APCD) Jan-Jun 2017 kepada Cik Anis Syairah Subki, Timbalan Pendaftar dan Puan Faridah Daud, Penolong Pegawai Undang-undang, penyampaian sumbangan dari Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP serta meraikan hari ulang tahun kelahiran pegawai dan kakitangan ILKAP yang dilahirkan pada bulan Julai, Ogos dan September.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP :

COURSE ON NEURO-LINGUISTIC PROGRAMMING (NLP), KEM BTN, SABAH

KEM BIRO TATA NEGARA (BTN) KUNDASANG SABAH

Course on Neuro-Linguistic Programming (NLP), merupakan salah satu kursus yang dirancang di bawah Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran (PKP) telah diadakan pada 23 hingga 26 Ogos 2017 di kem Biro Tata Negara (BTN), Kundasang, Sabah. Kursus ini telah dihadiri oleh 28 orang tenaga pengajar ILKAP.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP :

KURSUS KERJA BERPASUKAN ILKAP TAHUN 2017

Kursus Kerja Berpasukan *(Team Building)* ILKAP tahun 2017 telah diadakan pada 15 hingga 17 November 2017 bertempat di Puteri Bayu Beach Resort, Pulau Pangkor. Kursus ini telah dihadiri seramai 75 orang pegawai dan kakitangan ILKAP.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP :

KARNIVAL ILKAP SELAMAT (KIS)

Program Karnival ILKAP Selamat (KIS) telah diadakan pada 21 November 2017 bertempat di Bilik VC, ITITC ILKAP. Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti Sesi Bersama Wira-Wira Negara, Pemeriksaan Kesihatan Percuma dan banyak lagi. Manakala di awal program telah diadakan latihan '*Fire Drill*' dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat, Bandar Baru Bangi.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP :

LAWATAN DELEGASI MALDIVES

Lawatan delegasi Maldives yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara Maldives, YAA Abdullah Saeed telah mengadakan lawatan kerja ke ILKAP pada 23 November 2017 bertempat di Bangunan Eksekutif (MTCP), ILKAP.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP :

PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 4/2017 DAN KARNIVAL SUKAN RAKYAT ILKAP

Perhimpunan bulanan bil. 4/2017 dan Karnival Sukan Rakyat ILKAP telah diadakan pada 6 Disember 2017 dengan pelbagai aktiviti seperti acara merentas ILKAP, sepak raga, boling kelapa, tarik upih, dan pelbagai aktiviti menarik lagi.

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

JULY - DEC 2017

AKTIVITI DI ILKAP :

PERTANDINGAN INOVASI ILKAP TAHUN 2017 & PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN INOVASI

Pertandingan Inovasi ILKAP tahun 2017 telah diadakan pada 7 Disember 2017 yang mana menerima penyertaan sebanyak 10 kumpulan iaitu 5 kumpulan bagi kategori ICT dan 5 kumpulan lagi bagi kategori Non-ICT. Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan ini diadakan pada 19 Disember 2017 dalam memberikan penghargaan ke atas peserta/kumpulan yang menyertai pertandingan ini.